

28 OCT 2003

MDV-PICSEL/I

MDV BERI KEMUDAHAN PINJAMAN RM120 JUTA KEPADA PICSEL

PUTRAJAYA, 28 Okt (Bernama) -- Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) hari ini memeterai perjanjian kemudahan pinjaman RM120 juta kepada Picstel (M) Sdn Bhd untuk menubuhkan pusat pembangunan, pemasaran dan pengedaran serantau di negara ini.

Picstel yang diasaskan di Glasgow, Scotland, oleh ketua pegawai eksekutif Imran Khand dan ketua saintis Dr Majid Anwar, terlibat dalam pembangunan perisian.

Di majlis pemeterian perjanjian yang disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, pengarah urusan MDV, Jiro Suzuki, berkata Picstel akan membawa nilai dan memberi kesan besar kepada ekonomi negara.

Beliau berkata Picstel telah mencatat pertumbuhan pesat, dan bukan sahaja mendapat semakin banyak habuan pasaran tetapi juga penghormatan oleh industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Syarikat itu telah membangunkan apa yang dipanggil Teknologi Perusak yang boleh mengubah bidang ICT dan memberikan persaingan sengit kepada pemain teknologi lain, khususnya syarikat terkenal Amerika Syarikat," katanya.

Sementara itu, Khand menyifatkan Malaysia sebagai lokasi yang elok untuk pelanggan dan perkhidmatan sokongan. Ia juga mempunyai prasarana dan bakat ICT bertaraf dunia.

"Kami berhasrat untuk menjadi pemain utama di seluruh rangkaian nilai dan memainkan peranan utama dalam melaksanakan aplikasi multimedia. Kami berhasrat untuk membawa pasaran ke hadapan. Dan untuk menjadikan matlamat ini satu realiti, kami telah memilih Malaysia sebagai pangkalan kami," katanya.

Pinjaman kepada Picstel membawa kepada jumlah yang diluluskan oleh MDV kepada RM732 juta setakat ini kepada 31 syarikat dalam pelbagai aplikasi teknologi. -- BERNAMA

MAM SD JR